

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	05 MARCH 2017

Berhentilah 'mengomel' Tun...

UM- 53 | 2017

MUKADIMAH

BAIT-BAIT puisi dalam ucapan dasar Ketua Pemuda UMNO Khairy Jamaluddin semasa perhimpunan agung sayap kanan itu November tahun lalu masih tergiang di fikiran. Barangkali cukup sinonim dengan gelagat Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr. Mahathir Mohamad waktu ini:

"Dulu Bersih dipentil. Sekarang, merayu rakyat serai Bersih. Melayu mudah lupa. Dulu Soros dikritik. Sekarang, serai demo yang dibiayai Soros. Dulu lempar Anwar pelbagai tuduhan. Sekarang bersalaman bertukar senyuman, entah jujur atau tidak. Melayu mudah lupa."

Dulu, bila ditanya pasal reformasi. Sekarang mengejar tepukan di pentas lawan.

"Dulu Mat Sabu dicaci dihina. Sekarang teman bergelak ketawa. Melayu mudah lupa. Dulu konon pejuang bangsa. Sekarang seganding musuh bangsa."

"Dulu pertikal kewujudan Keadilan. Sekarang, mesra dengan kepimpinannya, siap sahut Bebas Anwar. Melayu mudah lupa. Dulu, musuh dipersoal. Kini semeja, mengagur kutsa."

Wartawan *Mingguan Malaysia*, ZULKIFLI JALIL menyorot kembali ungkapan Dr. Mahathir dalam isu tertentu yang kelihatannya 'mengomel' - sungguh kawat yang dibentuk, ikan ditebat yang diadang.

PERSOAL LAWATAN PEMIMPIN ASING?

ADA pemimpin negara asing datang ke Malaysia bukan atas dasar persahabatan tetapi kerana sesuatu yang 'diberikan' oleh perdana menteri kepada mereka. Inilah sebabnya mereka berada di sini.



26 FEBRUARI 2017
Berucap dalam majlis anjuran Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) di Sungai Buloh, Selangor. Diluahkan pada hari ketibaan Raja Arab Saudi, Raja Salman Abdulaziz Al-Saud di Kuala Lumpur sempena lawatan empat hari baginda.



SULTAN IBRAHIM SULTAN ISKANDAR

FOREST CITY

SUDAH ada syarat dan perjanjian? Bolehkah kita gambarkan 700,000 orang (rakyat China) terbang ke Johor untuk tinggal tiga bulan dan selepas itu 700,000 orang ini terbang balik dan tinggal bandar raya Iskandar kosong selama sembilan bulan. Apa kata kalau senyap-senyap mereka diberi IC (kad pengenalan) Malaysia sebelum PRU-14?

DEMONSTRASI JALANAN

KALAU kerajaan dah tak peduli pasal undang-undang, kita terpaksa gunakan demonstrasi. Lihat presiden Marcos, ketika memerintah Filipina, mereka terpaksa jatuhkan beliau melalui demonstrasi."

31 OGOS 2015
Muncul kali kedua di perhimpunan Bersih 4.0 di ibu negara dan mendakwa tunjuk perasaan jalanan adalah satu-satunya cara untuk menjatuhkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

SEBELUM ITU

Mereka akan mengadakan demonstrasi jalanan dan melakukan apa sahaja untuk menjatuhkan kerajaan, ia akan berulang-ulang. Keputusannya adalah ketidakstabilan kepada negara, tiada pembangunan dan kemiskinan akan bertambah. Negara mungkin akan meminjam wang dan akhirnya negara hilang kemerdekaan."

23 MEI 2013

BR1M

Ambil BR1M itu rasuah, salah di sisi undang-undang."

Ambil BR1M itu rasuah, salah di sisi undang-undang."

25 DISEMBER 2016

TITAH JAWAPAN BALAS SULTAN JOHOR

DIA (Dr. Mahathir) bermain dengan politik ketakutan dan kaum, yang tidak ada tempat di Johor kerana saya tidak percaya kepada politik perkauman. Dia menghina pelabur hartanah China yang kaya ini. Mereka bukannya mahu kerakyatan Malaysia. Ramai antara mereka ada hartanah di negara lain termasuk Australia dan United Kingdom."

KEMUDIANNYA

"Jika didapati BR1M mustahak, maka wang ini akan diagih oleh pegawai kerajaan. BR1M tidak boleh dimasukkan dalam mana-mana manifesto mana-mana parti (campuran)."

15 JANUARI 2017
Dr. Mahathir mengatakan BR1M akan diteruskan jika pakatan pembangkang menang PRU-14.



DAHULUNYA Lim Kit Siang musuh ketat Dr. Mahathir.

DAP

INI menunjukkan bahawa DAP sebuah parti pelbagai kaum. Dan ahli-ahli yang bukan Cina pun pegang jawatan yang tinggi. Karpal Singh (mendiang), pegang jawatan tinggi, boleh bertutur dalam bahasa kebangsaan."

PROGRAM KHAS HAJI PERDANA MENTERI-YAYASAN IMDB

ITULAH yang dia (Perdana Menteri) buat, tiap-tiap tahun nak hantar 1,000 orang buat kerja haji dengan duit cuti. Saya ingat bukan haji mabrur la tu, haji kurang mabrur."

KATA AHLI AGAMA

Mereka (jemaah haji) perlu letak harapan dan berdoa bahawa amalan seperti menunaikan solat, puasa, zakat dan haji ini diterima dan selepas itu mereka harus yakin Allah SWT menerima permintaan kita."

DATUK MOHAMAD SHUKRI MOHAMAD Mufti Kelantan 3 Januari 2017

SEBELUM ITU

(Lim) Kit Siang (pemimpin DAP) adalah seorang rasis... Kit Siang adalah seorang pelampau perkauman. Saya tidak takut diheret ke mahkamah (untuk menidakkannya)."

'BELASAH' MCA

DULU saya tiap-tiap kali MCA ada mesyuarat agung tahunan, saya hadir. Kelainannya ialah dalam mesyuarat DAP, yang dikatakan parti Cina, lagu parti mereka dinyanyikan dalam bahasa kebangsaan. Dalam MCA, (lagu) tidak dinyanyikan dalam bahasa kebangsaan. Mungkin semangat kemalayaan DAP lebih kuat daripada MCA."

4 DISEMBER 2016
Dr. Mahathir mendakwa semangat kenegaraan Malaysia DAP 'lebih kuat' daripada MCA.

1 MEI 2013
Berucap di Seksyen 6, Shah Alam.

DAHULU

Sebenarnya kerjasama Melayu/Cina dan UMNO/MCA lebih menguntungkan masyarakat Cina daripada konfrontasi Melayu/Cina yang dianjurkan oleh DAP."

28 JULAI 1991